

Daya Ilokusi dalam Bual Bicara Motivasi

Indirawati Zahid & Kavitha Sarangapany

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRAK – Motivasi ialah dorongan perlakuan. Motivasi diperlukan kerana setiap manusia mempunyai tingkah laku yang berbeza. Dorongan tingkah laku dapat diperlihatkan dengan lakuan ilokusi (LI), iaitu fungsi ujaran yang menyebabkan pendengar (H) bertindak. Bach dan Harnish mengusulkan empat kategori LI bagi menjelaskan fungsi ujaran. Teori ini menyatakan bahawa apabila penutur (S) berkomunikasi terdapat tujuan yang ingin disampaikan kepada pendengarnya (H). Tujuan, iaitu niat dianggap berjaya apabila H mengakui daya ilokusi tersebut. Sehubungan itu, bual bicara motivasi “Renungan Kehidupan” dianalisis bagi memperlihatkan peranan motivator (MM) dalam menyampaikan tujuannya kepada H. Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengklasifikasi dan membincangkan daya ilokusi arahan subkategori permintaan (PMT) dan larangan (LR) yang berkaitan dengan teori memotivasi perubahan. Analisis mengaplikasikan kaedah kualitatif antaranya muat turun, transkripsi dan analisis teks; dan kuantitatif, iaitu analisis frekuensi. Dapatan memperlihatkan PMT dapat diklasifikasikan kepada tiga, iaitu PMT refleksi diri, PMT umum dan kata modalitas; dan PMT perubahan diri. PMT refleksi diri ditandai dengan kata kerja antaranya “tengok”, “renung” dan “fikirkan”; PMT umum dan modalitas “mesti” dan “sentiasa” manakala PMT perubahan diri, “ingat” (mengingat) dan “sabar” (bersabar) yang menjadi kata kunci motivasi perubahan diri dan penginputan nilai-nilai murni. LR pula ditandai dengan kata modalitas doentik “jangan”, iaitu pencegahan perbuatan. Analisis frekuensi menemukan subkategori PMT cenderung digunakan berbanding dengan subkategori LR. Dapatan ini memperlihatkan bahawa motivasi intrinsik lebih efektif dalam mendorong perubahan tingkah laku.

ARTICLE HISTORY

Received: 6 August 2021

Revised: 2 December 2021

Accepted: 8 December 2021

KEYWORDS

Daya Ilokusi

Kata Kerja

Kata Modalitas

Lakuan Tutaran

Motivasi

Illocutionary Force

Modality Verbs

Motivation

Speech Acts

Verbs

Illocutionary Force in Motivational Talk Show

ABSTRACT – Motivation drives behaviour. It is needed because humans have different behaviours. Behavioural encouragements can be shown with the application of illocutionary acts (LI) which causes the listener (H) to act. Bach and Harnish proposed four categories of LI to explain the functions of utterances. This theory states that a speaker (S) communicates when there is a purpose to be conveyed to his listener (H). Purpose, i.e., intention is considered successful when H acknowledges the illocutionary force. In this regard, the motivational talk show “*Renungan Kehidupan*” was analyzed to show the role of the motivator (MM) in conveying his intention to H. This research has two objectives: to classify and discuss the illocutionary force of directives for subcategories requestives (PMT) and prohibitives (LR) related to theory of motivating change. The analysis applies qualitative methods including downloading, transcribing and analysing texts; and quantitative method through frequency analysis. Findings show that PMT can be classified into three, namely self-reflection PMT, general PMT and modality words; and PMT self-change. PMT self-reflection is characterized by verbs such as “*tengok*”, “*renung*” and “*fikirkan*”; general PMT and modality, with verbs “*mesti*” and “*sentiasa*”. For self-change PMT, verbs such as “*ingat*” (*mengingat*) and “*sabar*” (*bersabar*) are the keywords of self-change motivation which includes good values. LR is marked with the deontic modality word “*jangan*”, which is the prevention of action. Frequency analyses show that the subcategory PMT is predominantly used compared to subcategory LR. These findings suggest that intrinsic motivation is more effective on H self-change.

PENDAHULUAN

Motivasi ialah dorongan yang menjadi faktor penyebab kepada sesuatu tingkah laku dalam diri manusia sama ada disadari ataupun sebaliknya (APA Dictionary of Psychology, 2021). Dorongan ini menyebabkan tingkah laku manusia berbeza antara satu sama lain apatah lagi tingkah laku ini dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran yang ada pada diri individu. Lanjutan itu, bagi memastikan tingkah laku yang diinginkan tercapai, motivasi diperlukan. Pernyataan ini selari

dengan pandangan Varma (2017) bahawa setiap individu memperlihatkan tingkah laku yang berbeza. Oleh itu dorongan merupakan satu rangsangan yang penting dalam mengarah tingkah laku manusia. Pandangan yang serupa dinyatakan oleh Tengku Sarina Aini dan Fadillah (2007) bahawa setiap individu mempunyai pencapaian yang berbeza atas faktor seperti pengalaman, minat, kesesuaian, kebolehan fizikal dan intelektual selain perbezaan tahap motivasi yang dimiliki. Tingkah laku dan pencapaian yang berbeza ini sememangnya dinyatakan dalam teori motivasi yang mendeskripsikan situasi mental dan pengaruh luaran terhadap antaranya ciri-ciri pekerjaan, insentif, budaya organisasi dan sebagainya (Sullivan, 1980). Sehubungan dengan itu, menurut Muhammad Azizul dan Haris (2019) motivasi penting kepada individu kerana dorongan ini berkaitan dengan prestasi individu dan produktiviti sesuatu organisasi.

Motivasi dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik ialah pilihan ditentukan sendiri (self-determine choice) dengan maksud terdorong melakukan sesuatu tanpa paksaan (Lindenberg, 2001). Penyataan oleh Lindenberg ini selari dengan Ryan dan Deci (2000), iaitu motivasi intrinsik ialah tingkah laku yang didorong oleh rasa kepuasan diri sendiri. Sementara itu motivasi ekstrinsik ialah motivasi yang bertitik tolak daripada dorongan memperoleh sesuatu misalnya ganjaran ataupun akibat tekanan (Matsumoto, 2009, 200; Ryan & Deci, 2000). Ringkasnya, motivasi intrinsik berkaitan dengan dorongan daripada sesuatu yang digemari atau seronok dilakukan sementara sebaliknya bagi motivasi ekstrinsik. Oleh itu, proses dorongan yang dirujuk sebagai motivasi ini penting dan perlu bagi memenuhi kepuasan diri sendiri mahupun keperluan faktor lain di luar diri sendiri. Hal ini terbukti dengan terdapat banyak ceramah dan kursus motivasi yang dianjurkan untuk mendorong tingkah laku yang positif.

Sehubungan dengan itu, data bual bicara motivasi dianalisis dengan berfokus pada lakuan ilokusi (LI) dalam ujaran yang berperanan mendorong khalayak pendengar untuk melakukan tingkah laku yang baik untuk kehidupan seharian. Bual bicara motivasi yang digunakan hanyalah sebagai bahan kajian untuk analisis pragmatik. Oleh itu, kajian ini tidak akan menyentuh bidang psikologi secara *per se*. Analisis yang dilakukan mempunyai dua objektif, iaitu mengklasifikasikan dan membincangkan daya ilokusi arahan bagi subkategori permintaan dan larangan dalam bual bicara motivasi. Objektif ini bertitik tolak daripada penyataan dalam teori memotivasi perubahan, iaitu mesti ada motivasi individu untuk bertindak, iaitu keadaan psikologi; sokongan kolektif untuk tindakan, iaitu keadaan sosial; dan struktur yang mewujudkan keupayaan, kemampuan dan peluang untuk bertindak, iaitu keadaan struktur (Breckenridge, Gray, Toma et al., 2019).

SOROTAN KAJIAN

Lakuan tuturan ialah ujaran yang mempunyai fungsi dalam komunikasi. Fungsi ini ialah ekspresi linguistik yang dapat diterangkan dengan peraturan-peraturan yang mengatur penggunaannya dalam mengekspresikan pelbagai fungsi seperti menegaskan, menanyakan, menasihati dan sebagainya. Austin (1962) menyatakan bahawa lakuan tuturan ialah lakuan yang merujuk kepada sesuatu tindakan yang dilakukan hasil daripada sesuatu ujaran yang dilafazkan. Penyataan Austin telah menarik minat kajian lakuan tuturan dengan menggunakan pelbagai data bertujuan memperlihatkan kategori lakuan tuturan yang dibincangkan oleh para sarjana dalam bidang seperti Searle (1969), Bach dan Harnish (1979) dan Austin sendiri. Lanjutan itu sorotan kajian yang berikut membincangkan antara kajian yang menggunakan pelbagai data. Walau bagaimanapun sorotan kajian hanya menemukan satu kajian yang menggunakan data motivasi, iaitu kajian oleh Ahmad (2020). Dapatan ini bertitik tolak daripada kecenderungan kajian motivasi yang terarah kepada kajian psikologi. Oleh kerana kajian yang dilakukan berfokus pada teori yang diaplikasi dalam pelbagai data, data motivasi dengan teori psikologi tidak akan disorot. Kepelbagaian data yang dianalisis dengan menggunakan teori lakuan tuturan antaranya ialah komunikasi dalam mesyuarat, pengajaran dalam kelas, khutbah, ucapan dan sebagainya.

Kajian menggunakan data mesyuarat dilakukan oleh Amir dan Zaitul Azma (2015) telah menganalisis lakuan ilokusi dalam mesyuarat pengurusan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan mengaplikasi kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Aplikasi kedua-dua kaedah kajian ini masing-masingnya merujuk kepada faktor penggunaan lakuan tuturan dan analisis frekuensi, iaitu kecenderungan penggunaan lakuan tuturan. Teori yang diaplikasi ialah teori lakuan ilokusi komunikatif Bach dan Harnish (1979). Rasional pemilihan data bertitik tolak daripada kandungan mesyuarat yang memaparkan penggunaan lakuan tuturan dalam mencapai objektif sesuatu mesyuarat. Analisis menemukan penggunaan lakuan ilokusi yang pelbagai dalam mencapai objektif sesuatu ujaran. Seperti yang dijangkakan lakuan ilokusi kategori arahan dan pengumuman didapati dominan kerana penggunaan lakuan ilokusi yang jelas dan tepat dengan maksud akan mampu menjimatkan masa dan mencapai objektif sesuatu mesyuarat.

Kajian kedua oleh Amir dan Noor Zila (2015) juga memperlihatkan penggunaan data mesyuarat dengan mengaplikasikan teori Bach dan Harnish (1979) serta kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Perbezaan daripada kajian sebelum ini hanyalah pada fokus analisis. Kajian ini berfokus pada kategori arahan yang mempunyai enam subkategori, iaitu permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan penasihat. Dapatan analisis mendapati subkategori pertanyaan memperlihatkan kecenderungan yang tinggi berbanding dengan subkategori lain dalam kategori yang sama. Rasional dapatan ini bertitik tolak daripada kandungan mesyuarat yang memerlukan maklumat tertentu bagi tujuan penjelasan.

Seringkali analisis lakuan tuturan menggunakan data lisan. Walau bagaimanapun kelainan dilakukan oleh Maslida dan Karim (2015). Analisis data bertulis, iaitu kemas kini status di Facebook dilakukan dengan mengaplikasi teori lakuan tuturan Searle (1969). Dapatan menemukan kepelbagaian lakuan tuturan digunakan oleh empat orang informan semasa mengemas kini status di Facebook. Walau bagaimanapun kecenderungan yang tinggi diperlihatkan oleh lakuan tuturan representatif, diikuti dengan ekspresif, arahan dan lakuan gabungan. Dapatan lakuan tuturan yang bersifat kombinasi ini

memperlihatkan bahawa semasa berkomunikasi penutur mengaplikasikan lakuan tuturan yang rencam dan tidak bersifat khusus sebagaimana paparan dan perbincangan teori yang diusulkan.

Selanjutnya, data pengajaran dianalisis aplikasi lakuan tuturannya oleh Agus (2016) yang menggunakan data pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dan bahasa kedua. Menurut Agus faktor seperti ekspresi peribahasa dan norma budaya menjadi halangan kepada memahami makna ekspresi yang dirujuk. Situasi pengajaran dan pembelajaran menjadi sukar apabila pelajar memindahkan aturan dalam bahasa natif kepada bahasa kedua atau bahasa asing dengan anggapan bahawa aturan dalam bahasa bersifat universal. Penemuan ini menyebabkan Agus mencadangkan pemahaman konteks ujaran dilakukan dan seterusnya mengusulkan teori SPEAKING oleh Hymes (1974).

Kajian oleh Zanariah, Maslida dan Karim (2017); dan Muhammad Zuhair (2017) masing-masingnya menganalisis data komunikasi arahan oleh guru pelatih di dalam bilik darjah dan pengajaran guru bahasa Melayu. Walaupun teori yang diaplikasi berbeza, iaitu yang pertamanya, Bach dan Harnish (1979) manakala keduanya, fungsi ilokusi dalam Prinsip Kesopanan oleh Leech (1983) dapatan yang diperoleh memperlihatkan penemuan yang hampir sama. Kecenderungan yang tinggi bagi subkategori arahan berlaku atas faktor autoriti yang dimiliki oleh guru yang memberikan arahan kepada para pelajarnya untuk melakukan sesuatu tugas atas asas keperluan dan penggunaan ilokusi penegasan, arahan, komisif dan ekspresif oleh guru yang bertujuan bersaing, beramah tamah dan berkolaboratif.

Selanjutnya Abd. Ganing (2018) menganalisis teks khutbah Jumaat dengan mengaplikasikan teori Bach dan Harnish (1979). Menurut Abd. Ganing, teks khutbah Jumaat memperlihatkan aplikasi tiga kategori lakuan tuturan, iaitu pengumuman, arahan dan pengakuan dengan 13 subkategori. Subkategori lakuan tuturan yang dominan ialah penasihat, deskriptif, makluman dan penegasan. Dapatan ini bertepatan dengan fungsi khutbah Jumaat yang berunsurkan peringatan, panduan dan nasihat.

Seperti kajian Maslida dan Karim (2015), Norhasliza, Norfazila & Riduan (2019) menganalisis lakuan tuturan pada data bertulis, iaitu penamaan Wi-Fi yang diimbas masuk ke telefon bimbit. Kajian ini mengaplikasikan teori lakuan tuturan oleh Austin (1962). Analisis menemukan empat lakuan ilokusi, iaitu bermatlamat sosial berkonflik, bermatlamat sosial untuk beramah-tamah, bermatlamat sosial untuk kolaboratif dan bermatlamat sosial untuk bersaing. Seperti mana kajian yang lain, dapatan kajian yang menggunakan data berbentuk teks juga memperlihatkan fungsi komunikasi yang sama seperti yang berlaku dalam ujaran. Sementara, kajian oleh Dewi (2019) menggunakan data akhbar dalam talian di Amerika Syarikat yang berfokus pada unsur pembujukan dalam isu perubahan cuaca. Kajian ini mengaplikasikan teori Searle dengan menemukan kecenderungan penggunaan ilokusi asertif diikuti dengan direktif yang masing-masingnya merujuk pada keyakinan penutur (S) dalam isu yang diperkatakan dan sekali gus mengarahkan pendengar (H) melakukan sesuatu. Dalam hal ini tentulah wartawan perlu meyakinkan pembacanya akan hal yang diperkatakan supaya pembujukan akan dapat dilakukan dengan lancar. Pembujukan dilakukan dengan memberikan amaran, menimbulkan rasa takut dan menimbulkan keadaan yang mendesak tindakan.

Penggunaan data politik pula dianalisis oleh Harshita, Noor Asliza, Noriha dan Zaliza (2020) dengan menggunakan data teks ucapan ahli politik, iaitu Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan PAU 2018. Analisis ini mengaplikasikan teori lakuan tuturan Bach dan Harnish (1979). Analisis menemukan keempat-empat kategori lakuan tuturan telah diaplikasi, iaitu pengumuman, arahan, perjanjian dan pengakuan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa lakuan tuturan pengumuman dan lakuan tuturan arahan telah digunakan secara khusus untuk mempengaruhi dan meyakinkan pendengar dalam PAU 2017 manakala selepas pilihanraya berlangsung, lakuan tuturan perjanjian dan lakuan tuturan perakuan diaplikasi atas alasan penyesuaian yang perlu dilakukan dengan senario sosio-politik pada tahun 2018. Sehubungan itu dapatan ini secara langsung membuktikan bahawa senario sosio-politik mempunyai kesan terhadap jenis lakuan tuturan yang diaplikasi dalam ucapan ahli politik.

Penggunaan data dari YouTube dipetik oleh Ahmad (2020) dalam ceramah motivasi Muniba Mazari. Analisis ini mengaplikasikan teori lakuan tuturan Searle (1969) dan Yule (1996) berkenaan stail bahasa. Dapatan menemukan lakuan tuturan representatif yang dominan berbanding dengan lakuan tuturan yang lain atas alasan penceramah didapati sering berkongsi kisah hidupnya dengan cara mendedahkan dan memberitahu penontonnya atas tujuan memberikan motivasi. Sementara itu, Chairani, Sofyan dan Hardiah (2020) pula menganalisis lakuan ilokusi dan perlokusi Niana Guerrero seorang *youtuber*. Bagi menganalisis lakuan ilokusi, teori Searle diaplikasi manakala bagi lakuan perlokusi pengkaji telah mengaplikasikan perbincangan Gu (1993). Dapatan memperlihatkan keempat-empat lakuan ilokusi dan enam lakuan perlokusi diaplikasi oleh *youtuber* ini. Hal ini membuktikan bahawa lakuan tuturan yang diaplikasi menghasilkan kesan komunikatif pada jumlah pelanggan dan penonton saluran YouTube yang bersifat interaktif, menghiburkan dan menarik.

Terkini, kajian lakuan tuturan dilakukan oleh Aminuddin (2021) pada empat buah filem lakonan Nordin Ahmad bagi tempoh tahun 1956-1962, iaitu Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Seri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Analisis yang dilakukan mengaplikasikan teori lakuan tuturan oleh Searle (1969). Analisis ini menemukan kecenderungan penggunaan yang tinggi bagi lakuan tuturan asertif, diikuti dengan lakuan tuturan arahan, lakuan tuturan ekspresif dan lakuan tuturan komisif. Aminuddin berpendapat penggunaan lakuan tuturan asertif dan lakuan tuturan arahan yang paling kerap berlaku adalah disebabkan oleh faktor plot penceritaan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu peristiwa selain kedua-dua lakuan ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk kelangsungan komunikasi berdasarkan hajat komunikatif penutur.

Perbincangan berkaitan kepelbagaian penggunaan data kajian telah memperlihatkan bahawa fungsi ujaran dibuktikan dengan penggunaan kategori lakuan tuturan dan subkategorinya. Dapatan yang diperoleh memperlihatkan korelasi tujuan sesuatu ujaran dan teks yang bersesuaian dengan genre komunikasinya. Ini diperlihatkan dengan penggunaan korpus mesyuarat, status di Facebook, pengajaran, khutbah, penamaan Wi-Fi, ucapan, motivasi dan filem dengan kecenderungan teori Austin (1962) dan Searle (1969) berbanding dengan teori Bach dan Harnish (1979). Bertitik tolak daripada sorotan

kajian ini juga didapati bahawa kajian yang menggunakan korpus motivasi masih lagi langka. Oleh itu kajian ini akan menganalisis bual bicara motivasi bagi memperlihatkan aplikasi LI dengan mengaplikasikan teori Bach dan Harnish (1979). Ini kerana analisis lakuan tuturan akan sentiasa menemui sesuatu dapatan yang baharu dan berkorelasi dengan korpus yang dianalisis. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian yang sebegini ini akan akhirnya menyumbang kepada dapatan yang bersifat kontemporari dan relevan dengan peristiwa tuturan yang dianalisis.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian lakuan tuturan yang dijalankan memperlihatkan dapatan yang berkorelasi dengan genre data. Dapatan sebegini menyediakan penemuan yang mampu menjadi data raya yang lengkap bagi menghuraikan aplikasi teori dalam komunikasi yang berlangsung. Data raya kategori dan subkategori lakuan tuturan yang diaplikasi sebagaimana perbincangan dalam sorotan kajian memperlihatkan dapatan yang pelbagai selain tumpang tindih dapatan. Hal ini merupakan satu sumbangan yang besar dalam bidang pragmatik apabila teori lakuan tuturan mampu menghuraikan faktor aplikasi kategori dan subkategorinya. Sehubungan dengan itu sehingga kajian ini dilakukan hanya terdapat satu sahaja kajian yang menggunakan data motivasi, iaitu kajian oleh Ahmad (2020) dan kajian ini pula tidak membincangkan tentang daya ilokusi secara spesifik. Lanjutan itu kajian yang menggunakan data motivasi perlu diperbanyak bagi memperjelas peranan daya ilokusi yang diaplikasi dalam mempengaruhi audiens.

Kerangka Teori

Teori lakuan tuturan oleh Bach dan Harnish (1979) menyatakan bahawa apabila seseorang individu, iaitu penutur (S) berkomunikasi terdapat tujuan yang ingin disampaikan kepada individu yang dilawan bicara, iaitu pendengar (H). Tujuan dalam konteks ini dirujuk sebagai *intention* atau niat S dalam komunikasi yang berlangsung. Bach dan Harnish berpendapat niat yang terkandung dalam ujaran tersebut dianggap berjaya apabila individu yang dilawan bicara tersebut mengakui LI dan daya ilokusi tersebut. Daya ilokusi ialah kesan daripada LI yang mempunyai fungsi misalnya permintaan, perintah, pesanan dan sebagainya (Richards & Schmidt, 2002, 316). Hal ini bererti S mengujarkan ujaran yang akan memberikan kesan kepada H. Dalam hal ini Bach dan Harnish (hlm. 41) telah mengusulkan klasifikasi lakuan ilokusi komunikatif yang terbahagi kepada empat kategori, iaitu pengumuman, arahan, komisif dan perakuan. Setiap satu kategori yang dinamakan ini mempunyai subkategorinya yang tersendiri. Walau bagaimanapun untuk tujuan analisis dalam makalah ini, analisis hanya berfokus pada kategori arahan dan subkategorinya seperti dalam Jadual 1 yang berikut.


Jadual 1. Lakuan ilokusi arahan (LIA).

Kategori	Subkategori
Arahan (A)	1. Permintaan (PMT)
	2. Pertanyaan (PTYN)
	3. Keperluan (KP)
	4. Larangan (LR)
	5. Permisif (PMSF)
	6. Penasihatian (PNST)

Jadual 1 memaparkan LIA yang mempunyai enam subkategori, iaitu permintaan (PMT), pertanyaan (PTYN), keperluan (KP), larangan (LR), permisif (PMSF) dan penasihatian (PNST). Kategori arahan merujuk pada ekspresi S terhadap beberapa tindakan prospektif dengan maksud ujaran S menjadi titik tolak pada tindakan yang akan dilakukan oleh H. Sehubungan dengan itu, analisis ujaran MM akan dianalisis dengan mengaplikasi kategori dan subkategori yang dipaparkan dalam Jadual 1. Walau bagaimanapun analisis hanya berfokus pada kategori arahan subkategori PMT dan LR yang bertitik tolak antaranya daripada kandungan teori memotivasikan perubahan, iaitu memotivasikan individu untuk bertindak.

METODOLOGI

Analisis yang dilakukan mengaplikasi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang diaplikasi ialah analisis tematik (Lester, Cho & Lochmiller, 2020; Wong, 2008) yang mencakupi dua metod utama, iaitu pertamanya, muat turun yang mencakupi ulang dengar serta transkripsi; dan keduanya, analisis teks. Prosedur ini diringkaskan seperti dalam Rajah 1 yang berikut.



Rajah 1. Carta alir data analisis kualitatif.


Kaedah pertama dalam kualitatif ini melibatkan proses muat turun rancangan bual bicara yang berbentuk audio. Apabila muat turun selesai, proses ulang dengar dilakukan bertujuan memastikan proses transkripsi yang tepat dapat dilakukan. Hal ini diikuti dengan analisis teks bertujuan mengenal pasti struktur data yang kemudiannya dibahagikan kepada tiga struktur, iaitu pengenalan, isi dan penutup. Oleh kerana objektif analisis berfokus pada struktur isi yang melibatkan soal jawab berkaitan motivasi, pelabelan data dengan kod tertentu hanya berlaku pada struktur isi. Struktur isi bual bicara melibatkan soal jawab bersumberkan soalan langsung antara moderator (MSR) dan pakar motivasi (MM); soalan dari para pendengar, iaitu melalui panggilan telefon (PPT), platform Facebook (FB) dan sistem mesej singkat (SMS). Ujaran yang dianalisis ialah ujaran jawapan MM dalam konteks ini, manakala soalan yang dikemukakan hanya berfungsi sebagai penyediaan konteks jawapan. Bagi tujuan penyederhanaan label, kesemua soalan yang dikemukakan tidak akan dibezakan sumbernya. Hal ini kerana yang dianalisis ialah lakuan tuturan yang diaplikasi manakala membezakan sumber soal jawab tidak bersifat signifikan dalam analisis yang dilakukan. Data analisis dilabelkan berdasarkan urutan peristiwa tuturan (PT), soalan dan jawapan (SJ) yang diberi, contohnya PT1SJ1 yang bermaksud PT1, peristiwa tuturan pertama dan SJ1, soal jawab yang pertama dengan angka yang mengikuti huruf PT dan SJ ialah bilangan berdasarkan urutan. Sementara itu kaedah kuantitatif melibatkan analisis frekuensi, iaitu kecenderungan subkategori LI yang diaplikasi.

Bahan Kajian

Analisis dilakukan pada rancangan bual bicara motivasi yang bertajuk 'Renungan Kehidupan' dalam program 'Islam Itu Indah'. Program ini disiarkan secara langsung menerusi rangkaian radio IKIMfm. Bual bicara ini melibatkan seorang moderator yang bernama Siti Rohani (MSR) dan tetamu undangannya, iaitu seorang pakar motivasi bernama Professor Dr. Muhaya Mohamad (MM). Rancangan ini telah dimuat naik dalam laman web YouTube (<https://www.youtube.com/watch?v=llc51-0quuQ>) pada 29 April 2015 dan berdurasi selama 39 minit. Rancangan bual bicara ini mempunyai dua struktur utama, iaitu pertamanya, soal jawab antara moderator dan pakar motivasi; dan keduanya, soal jawab bersama pendengar, secara langsung, iaitu panggilan telefon (PPT), melalui platform Facebook (FB) dan sistem mesej singkat (SMS). Dalam konteks ini para pendengar boleh memberi maklum balas serta bertanyakan soalan sepanjang tempoh rancangan ini. Analisis hanya berfokus pada dua belas peristiwa tuturan bual bicara dengan empat puluh enam LI yang dikenal pasti.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis menemukan daripada empat puluh enam LI kategori arahan yang dianalisis, empat puluh (87.0%) daripadanya merupakan subkategori PMT manakala enam (13.0%) yang berbaki ialah subkategori LR seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2. Subkategori Permintaan dan Larangan.

Subkategori PMT dapat diklasifikasikan kepada tiga, iaitu PMT refleksi diri, PMT umum dan kata modalitas; dan PMT perubahan diri. Dapatan subkategori PMT memperlihatkan bahawa MM dalam konteks ini melakukan permintaan kepada H untuk melakukan refleksi diri. Refleksi diri ialah *examination, contemplation, and analysis of one's thoughts, feelings, and actions* (APA Dictionary of Psychology, 2021) yang antara lainnya bermaksud penilaian, perenungan, dan analisis pemikiran, perasaan, dan tindakan seseorang. Subkategori PMT yang jelas memperlihatkan permintaan refleksi diri dipaparkan dalam Jadual 2.


Jadual 2. PMT Refleksi Diri.

Bil.	PTSJ	Ujaran	Kategori Arahan	Frasa PMT
1.	PT2SJ1	... cuba renung kehidupan kita.	PMT	... cuba renung
2.	PT3SJ2	... kita semua boleh diri kita, ...	PMT	... semua boleh
3.	PT3SJ3	... cuba lihat apa yang berlaku ...	PMT	... cuba lihat
4.	PT3SJ4	... cuba kita lihat kesihatan ...	PMT	... cuba kita lihat
5.	PT3SJ5	... lihat kita punya dari segi ketenangan ...	PMT	... lihat kita punya ...
6.	PT3SJ7	Kita tengok apa yang kita boleh baik ...	PMT	Kita tengok ...
7.	PT3SJ11	... tengok anak-anak kita ...	PMT	... tengok anak-anak kita
8.	PT7SJ27	Lepas tu kita renung kepada pasangan hidup...	PMT	... kita renung ...
9.	PT8SJ33	Cuba kita tengok, ...	PMT	... kita tengok...
10.	PT10SJ41	... kita tengok balik...	PMT	... kita tengok balik ..
11.	PT10SJ42	... halangan itulah yang selalunya yang kita kena mesti renung.	PMT	... kita kena mesti renung.
12.	PT11SJ44	... cuba kita fikirkan bila orang buat tak elok kat kita ...	PMT	... kita fikirkan...
13.	PT11SJ46	... tengok pengizin peristiwa itu iaitu Ya Allah.	PMT	... tengok pengizin ...

Berdasarkan Jadual 2, terdapat tiga belas ujaran yang diklasifikasikan dalam subkategori PMT oleh MM, iaitu meminta H untuk bermuhasabah diri dengan maksud yang sama dengan refleksi diri. Muhasabah menurut PRPM (2021) ialah perbuatan menilai diri (fikiran, pendirian, dsb) untuk membaiki diri sendiri. Subkategori PMT refleksi diri ini bertepatan dengan judul rancangan, iaitu Renungan Kehidupan. Subkategori PMT refleksi diri ditandai oleh kata kerja “tengok” (menengok), “renung” (merenung), “lihat” (melihat), “noleh” (menoleh) dan “fikirkan” (memikirkan). Oleh

kerana data analisis ialah data lisan, MM didapati sering melakukan pengguguran imbuhan pada kata kerja yang digunakan. Dalam konteks ini telah berlakunya pengguguran imbuhan awalan kerja, iaitu meN-.

Tiga belas subkategori PMT yang dipaparkan memperlihatkan perulangan kata kerja yang menandai daya ilokusi, iaitu “tengok” (menengok), berjumlah 5 (38.5%), “renung” (merenung) dan “lihat” (melihat) masing-masingnya 3 (23.0%); dan “noleh” (menoleh) dan “fikirkan” (memikirkan), masing-masingnya 1 (7.7%) seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3. Perulangan Kata Kerja.

Dalam konteks ini MM memberikan arahan kepada H untuk melakukan tindakan merefleksi diri bagi mengenal pasti perjalanan kehidupan masing-masing, iaitu mencakupi gaya hidup, pencapaian, kesilapan dan sebagainya yang memungkinkan wujudnya perasaan bahawa diri mereka tidak berada pada situasi yang diinginkan atau terbaik pada pandangan mereka sendiri. Kepelbagaian penggunaan kata kerja yang menandai daya ilokusi memperlihatkan kata-kata yang tersebut bersinonim antara satu sama lain; (PRPM, 2021; *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, 2010) iaitu kata “tengok” (menengok) yang bermaksud pergi melihat untuk mengetahui sesuatu; “renung” (merenung) yang bermaksud memerhatikan dengan teliti; “lihat” (melihat) yang bermaksud pandang, iaitu memerhati dan kata “noleh” (menoleh) yang bermaksud berpaling ke kiri, ke kanan dan lain-lain untuk melihat. Kepelbagaian kata kerja ini memperlihatkan tindakan yang perlu dilakukan oleh H dari fasa tindakan yang mudah, iaitu “tengok” (menengok) sehinggalah pada fasa yang lebih serius dengan tindakan “renung” (merenung).


Subkategori PMT dalam konteks ini memperlihatkan bahawa MM mengarahkan H bertindak dengan penggunaan pancaindera mata yang kemudiannya diperkukuh dengan penggunaan kata “fikirkan” (memikirkan) yang bermaksud mempertimbangkan sesuatu dengan akal. Perbuatan berfikir ini penting bagi H dalam mempertimbang perlakuan yang telah dan akan dilakukan dalam melakukan penambahbaikan diri. Perbuatan berfikir ini memperlihatkan MM meminta segala tindakan yang difikirkan itu dapat memotivasi perubahan dalam diri masing-masing. Subkategori PMT ini bertepatan dengan pernyataan oleh Heru Juabdin (2016) bahawa manusia ialah makhluk pilihan yang dimuliakan oleh Allah dengan keistimewaan yang diberi, iaitu akal yang mampu membezakan antara yang baik dan sebaliknya. Kesemua kata kerja ini memperlihatkan daya ilokusi yang disampaikan dalam subkategori PMT. Dalam hal yang sama juga MM menggunakan kata ganti nama “kita” yang mencakupi dirinya sebagai motivator bagi memperlihatkan kebersamaan dalam mempengaruhi H bertindak dalam merefleksikan diri. Refleksi diri ini penting bagi penambahbaikan diri sesuai dengan terjemahan Al-Quran surah Ar-Ra’d 13:11 yang bermaksud, “*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri*” (Terjemahan Al-Quran Al-Karim, 2009). Dalam konteks ini apabila MM berjaya meyakinkan H dengan tindakan yang perlu dilakukan, maka proses memotivasi perubahan dapat dilakukan.

Selain refleksi diri, MM dalam konteks ini juga mengaplikasi subkategori PMT yang bersifat umum. Subkategori PMT bersifat umum dalam konteks ini merujuk pada ilokusi arahan ke arah perubahan menyeluruh pada perbuatan yang lazim dilakukan oleh H dalam kehidupan seharian. Sungguhpun subkategori PMT ini diklasifikasikan sebagai bersifat umum, daya ilokusinya didapati bercirikan penasihat. Jadual 3 memaparkan daya ilokusi yang diaplikasi. Terdapat dua puluh tujuh ujaran yang diklasifikasikan dalam subkategori PMT ini.

Jadual 3. PMT Umum dan Kata Modalitas.

Bil.	PTSJ	Ujaran	Kategori Arahan	Frasa PMT
1.	PT3SJ8	... maka kita berubahlah.	PMT	...kita berubahlah.
2.	PT3SJ9	Ini kita mesti sentiasa nak berdoa.	PMT	... kita mesti sentiasa...
3.	PT3SJ10	Tu doa sentiasa kita minta.	PMT	... sentiasa kita minta.
4.	PT3SJ12	... kalau kita buat kesilapan tu minta maaf pada anak kita ...	PMT	... kita buat kesilapan tu minta maaf ...
5.	PT4SJ14	... tentukan menghargai anak, sebut kebaikan dia dan sentiasa mengatakan tiga perkara yang alim ulama bagi tau kita, Siti.	PMT	... tentukan... ... sebut kebaikan sentiasa mengatakan...
6.	PT5SJ15	... kita sabar dalam memperbetulkan niat.	PMT	... kita sabar ...
7.	PT5SJ16	Perbetulkan niat untuk ikhlas.	PMT	Perbetulkan niat ...
8.	PT5SJ17	So kita buat apa-apa niat mesti kerana Allah ...	PMT	... niat mesti kerana Allah ...
9.	PT5SJ18	Yang kedua sabar menyempurnakan ikhtiar.	PMT	... sabar menyempurnakan
10.	PT5SJ19	... sabar dalam menerima natijah atau hasilnya.	PMT	... sabar dalam menerima
11.	PT5SJ20	... kita sabar dan bersyukur.	PMT	... kita sabar dan bersyukur
12.	PT5SJ21	... kalau apa-apa kita tu, syukur.	PMT	... kita tu, syukur.
13.	PT5SJ22	... para pendengar dan diri saya kita mesti ingat...	PMT	... saya kita mesti ingat...
14.	PT5SJ24	Kita mesti merasakan kita...	PMT	Kita mesti merasakan...
15.	PT5SJ25	Tolong fokus pada apa yang kita ada.	PMT	Tolong fokus...
16.	PT6SJ26	..., fokus dengan apa yang kita ada.	PMT	...fokus dengan apa...
17.	PT8SJ29	Ingat formula itu lima puluh, empat puluh, sepuluh.	PMT	Ingat formula ...
18.	PT8SJ30	Dan satu lagi ingat kita hidup ini ...	PMT	... ingat kita...
19.	PT9SJ31	Satu buat benda berlaku, yang kedua tunggu	PMT	... buat ... tunggu ...
20.	PT8SJ32	... kita mesti berusaha sungguh-sungguh.	PMT	... kita mesti...
21.	PT8SJ34	Kalau boleh doa semua orang masuk syurga	PMT	... boleh doa...
22.	PT8SJ35	... dan doakan dia.	PMT	... doakan ...
23.	PT10SJ36	Masukkan ini daripada awal, anak kecil setahun dua tahun dah sebut Allah sayang kita, siapa buat ni...Allah yang buat.	PMT	Masukkan ini daripada awal ... dah sebut
24.	PT10SJ38	Betul, ini yang saya kata kita fokus kepada benda yang Allah dah jamin	PMT	... kita fokus...
25.	PT10SJ39	Allah dah jamin rezeki, itu yang kita cari.	PMT	... dah jamin ... kita cari.
26.	PT10SJ40	... kita menjemput rezeki memang dah ada rezeki kita.	PMT	... kita menjemput rezeki ... dah ada
27.	PT11SJ43	Ingat mati. Bila kita ingat mati, kita tak fikir orang pun	PMT	Ingat mati. ... kita ingat mati ... fikir

Jadual 3 memperlihatkan frasa subkategori PMT yang pelbagai, iaitu penggunaan pelbagai kata kerja dan kata modalitas. Kata kerja ialah kata yang menunjukkan fenomena yang berlaku sepanjang masa, iaitu aktiviti, proses, dan keadaan (Bussmann, 2006, 1263). Manakala kata modalitas ialah keterangan dalam ayat yang menyatakan sikap penutur berkaitan perkara yang dinyatakan seperti perbuatan, keadaan, peristiwa atau sikap terhadap individu yang dilawan bicara (Abdul Chaer, 1994; Brown & Miller, 2013). Kata kerja yang digunakan didapati pelbagai sebaliknya pula hanya terdapat lima kata modalitas yang digunakan oleh MM. Kata kerja yang digunakan oleh MM dalam Jadual 3 tidak dibincangkan secara khusus kerana kata kerja yang digunakan tersebut telah menjelaskan perbuatan yang diarahkan oleh MM kepada H. Sebaliknya kata modalitas iaitu “mesti”, “sentiasa”, gabungan kata modalitas “mesti sentiasa”, “boleh” dan “dah” (sudah) dibincangkan bagi menandakan daya ilokusi yang memperkukuh kata kerja yang sedia digunakan dalam subkategori PMT. Jumlah kata modalitas yang digunakan ialah sebelas, iaitu “mesti”, 4 (36.4%), “dah” (sudah), 3 (27.3%), “sentiasa”, 2 (18.2%); dan gabungan “mesti” dan “sentiasa”; dan “boleh”, masing-masingnya 1 (9.0%), seperti paparan dalam Rajah 4.




Rajah 4. Kata Modalitas.

Kata modalitas “mesti” bermaksud tidak boleh tidak atau wajib dilakukan oleh H. Ini bererti H tidak diberikan pilihan dalam melakukan sesuatu perbuatan yang dirujuk. Dalam konteks ini MM mengarahkan H “mesti” berniat kerana Allah (PT5SJ17), mengingat akan sesuatu (PT5SJ22, PT5SJ24) dan berusaha (PT8SJ32). Manakala kata modalitas “mesti” diperkukuh dengan gabungan kata modalitas “sentiasa” bagi mendukung maksud kekerapan, iaitu “mesti sentiasa” berdo’a (PT3SJ9). Sementara itu kata modalitas “dah” (sudah) merujuk pada aspek kala selesai (*perfectum*), iaitu telah berlalu tempohnya; sudah berlaku. Menurut Karim dan Maslida (2013), kala selesai ialah bentuk kala dari kata kerja yang membawa maksud sesuatu perbuatan itu telah dilakukan.


Dalam konteks ini MM mengarahkan H supaya melakukan sesuatu tindakan pada sesuatu yang telah tersedia, iaitu rezeki yang telah dijamin oleh Allah (PT10SJ39, PT10SJ40) dan pencapaian yang berlaku dalam tempoh tertentu dalam PT10SJ36 berkaitan kemampuan seorang anak kecil menyebut nama Allah. Selanjutnya, perihal yang sama bagi “sentiasa” yang merujuk pada frekuensi melakukan perbuatan berdo’a (PT3SJ10) dan mengamalkan ajaran alim ulama (PT4SJ14). Sementara itu kata modalitas “boleh” merujuk pada situasi yang tidak dilarang melakukan sesuatu dengan maksud diberi izin dalam PT8SJ34. Dalam konteks ini H diarahkan untuk berdo’a bukan hanya untuk diri sendiri tetapi juga untuk semua orang supaya dapat memasuki syurga. Perbuatan mendoakan orang lain merupakan perbuatan yang digalakkan dalam Islam apatah lagi sekiranya doa itu di luar pengetahuan individu yang dirujuk. Malahan perbuatan ini menjadikan doa yang diminta menjadi lebih mustajab (Official Website Mufti of Federal Territory, 2016).

Selain PMT refleksi diri, PMT umum dan kata modalitas, analisis juga menemukan PMT perubahan diri dengan dua puluh kata kerja yang diekstrak daripada Jadual 3. Kata kerja ini didapati menjadi kata kunci perubahan diri H seperti dalam Rajah 5 yang berikut.



Rajah 5. Kata Kerja Perubahan Diri.

Rajah 5 memperlihatkan kata kerja yang berulang kali diguna ialah kata “ingat” (mengingat), 5 (16.13%); “sabar” (bersabar), 4 (12.90%); “fokus” (berfokus), 3 (9.60%); dan “sebut” (menyebut) dan “buat” (membuat), masing-masingnya 2 (2.65%) manakala kata kerja yang selebihnya hanya berjumlah 1 (3.22%). Oleh kerana data ini merupakan data lisan, penguguran imbuhan awalan didapati berlaku bagi kata kerja “ingat” “sabar”, “fokus”, “sebut” dan “buat” iaitu masing-masingnya imbuhan awalan meN- dan ber-. Kesemua kata kerja ini memperlihatkan daya ilokusi bagi subkategori PMT, iaitu usaha melakukan penambahbaikan kepada kualiti diri H dengan keutamaan “ingat” (mengingat), iaitu tidak lupa atau lalai, “sabar” (bersabar), iaitu tidak lekas marah atau tidak lekas berputus asa; “fokus” (berfokus), sesuatu yang menjadi pusat perhatian; “sebut” (menyebut), iaitu mengucapkan dan “buat” (membuat), iaitu melaksanakan sesuatu. Kelima-lima kata ini didapati menjadi kata kunci utama dalam memotivasi perubahan diri individu apabila minda dikawal dengan proses mengingat yang memerlukan individu bersabar dan berfokus pada sesuatu tindakan sebelum dapat dinyatakan, iaitu menyebut dan melaksanakan. Lima kata kunci ini dapat direpresentasi seperti dalam Rajah 6 yang berikut:



Rajah 6. Kata Kunci Perubahan Diri.

Sementara itu lima belas kata kerja yang berbaki yang tidak kurang signifikan fungsinya dalam subkategori PMT antaranya ialah “berubahlah”, “berdoa”, “meminta maaf”, “menghargai”, “perbetulkan” dan “syukur” (bersyukur) yang memperlihatkan MM mengarahkan H berusaha melatih diri menjadi lebih baik daripada situasi sebelum ini dengan penggunaan partikel –lah, iaitu pelembut bicara dalam kata kerja “berubahlah” (Tatabahasa Dewan, 2016). Subkategori PMT juga didapati menginputkan nilai-nilai murni dengan penggunaan kata kerja “berdoa”, “meminta maaf”, “menghargai”, “perbetulkan” dan “syukur” (bersyukur) yang memperlihatkan LI yang masing-masingnya merujuk pada “berdoa” memohon kepada Allah atau Tuhan bertujuan meminta bantuan, “meminta maaf” yang merujuk pada pembebasan daripada sebarang tuntutan kesalahan, “menghargai” yang merujuk pada menganggap penting, “perbetulkan” merujuk menjadikan tepat dan “syukur” (bersyukur) merujuk pada perbuatan berterima kasih kepada Tuhan. Input nilai-nilai murni oleh MM dalam subkategori PMT bertujuan melahirkan manusia yang seimbang peribadinya dari aspek rohani, emosi, jasmani dan pemikiran, iaitu *ahsanu al-taqwim* yang bermaksud sebaik-baik kejadian seperti dalam surah At-Tin, 95:4 (Terjemahan Al-Quran Al-Karim, 2009).

Memotivasikan perubahan juga diperlihatkan melalui subkategori LR dengan penggunaan kata modalitas deontik “jangan” seperti dalam Jadual 4. Dalam jadual yang sama, kata “bukan” iaitu kata nafi juga disekalikan dalam subkategori LR kerana makna ujaran oleh MM dalam bual bicara ini sebenarnya merujuk kepada larangan, iaitu perbuatan mengajar perkataan “mama / papa” sebagai perkataan pertama kepada anak-anak.

Jadual 4. Larangan.

Bil.	PTSJ	Ujaran	Kategori Arahan	Frasa PMT
1.	PT3SJ6	... kita jangan merungut pada sepuluh peratus...	LR	... kita jangan ...
2.	PT3SJ13	... supaya jangan melakukan perkara yang sama pada cucu kita...	LR	... jangan melakukan perkara...
3.	PT5SJ23	... jangan suruh buat macam tu.	LR	... jangan suruh ...
4.	PT7SJ28	... jangan kita berbeza di tempat yang berbeza...	LR	... jangan kita ...
5.	PT10SJ37	... bukan mama papa.	LR	,,, bukan...
6.	PT11SJ45	... jangan tengok orang itu, tengok pengizin	LR	... jangan tengok ...

Kata modalitas deontik ialah kata yang berkaitan dengan pandangan penutur terhadap peristiwa seperti mengizinkan, perintah, atau melarang (Eryon, 2011; Brown & Miller, 2013, 289-290, Chrisman, 2015). Dalam konteks ini subkategori LR ditandai oleh dua kata modalitas, iaitu “jangan” dan “bukan” (jangan) yang masing-masingnya bermaksud tidak boleh, usah; dan yang bermaksud berlainan daripada yang sebenarnya; tidak benar. Dalam konteks ini subkategori LR ialah perintah melarang daripada melakukan sesuatu, iaitu merungut (PT3SJ6), mengulang perbuatan yang sama (PT3SJ13), perbuatan pengarah (PT5SJ23), berlaku ketidaksamaan (PT7SJ28), pengajaran yang tidak benar (PT10SJ37) dan perbuatan melihat pelaku kejadian (PT11SJ45) yang merujuk kepada perbuatan yang sepatutnya dielakkan. Kesan subkategori LR dalam konteks ini merujuk pada pencegahan perbuatan bertujuan memastikan penambahbaikan diri pada H dapat dilakukan dengan jayanya.

Dalam memotivasikan perubahan, MM dalam subkategori PMT memperlihatkan bahawa perubahan yang diinginkan tersebut perlu datang dari dalam diri individu itu sendiri. Ini kerana motivasi yang bertitik tolak daripada keinginan diri sendiri akan mempermudah proses perubahan yang berlaku berbanding sekiranya mendapat motivasi ekstrinsik. Sehubungan dengan itu, MM dalam konteks ini memperlihatkan aplikasi subkategori PMT yang dominan kepada H. Dapatan ini ternyata selari dengan kajian kepuasan bekerja (Edrak, Yin-Fah, Gharleghi & Seng, 2013). Walau pun data kajian oleh Edrak, Yin-Fah, Gharleghi dan Seng ini berbeza dengan kajian yang dilakukan ini, keberkesanan motivasi intrinsik pada diri manusia sememangnya tidak dapat dinafikan. Ini selari dengan definisi motivasi intrinsik bahawa dorongan untuk terlibat dalam aktiviti adalah atas sebab kepuasan daripada aktiviti yang dilakukan (Matsumoto, 2009). Penyataan ini memperlihatkan bahawa apabila dorongan berasaskan kepuasan diri, manusia akan lebih gembira melakukan sesuatu perkara tersebut. Sementara itu subkategori LR ialah tegahan untuk melakukan perkara yang telah dikenal pasti memudaratkan diri. Subkategori LR ini secara tidak langsungnya merupakan penasihat kepada H dalam memotivasikan perubahan diri. Kesemua LIA yang dibincangkan ini ditandai sama ada oleh kata modalitas atau kata kerja dalam ilokusi yang dirujuk.

KESIMPULAN

Teori lakuan tuturan oleh Bach dan Harnish (1979) mengusulkan ujaran yang mempunyai fungsi yang tertentu kepada H. Fungsi yang dikenal pasti ini dinamakan daya ilokusi. Bertitik tolak daripada penyataan ini, analisis ini mempunyai dua objektif, iaitu mengklasifikasikan dan membincangkan daya ilokusi arahan, subkategori PMT dan LR dalam bual bicara motivasi. Kedua-dua LI ini menjadi fokus analisis berasaskan teori memotivasi perubahan yang dapat ditandai oleh kata kerja dan kata modalitas yang berfungsi sebagai daya ilokusi.

Analisis dilakukan pada dua belas peristiwa tuturan dan telah menemukan empat puluh enam LI arahan, iaitu subkategori PMT, 40 (87.0%) dan LR, 6, (13.0%) . Subkategori PMT dapat diklasifikasikan kepada tiga, iaitu PMT refleksi diri, PMT umum dan kata modalitas; dan PMT perubahan diri. PMT refleksi diri ditandai dengan kata kerja antaranya “tengok” (menengok), “renung” (merenung) dan “fikirkan” (memikirkan); PMT umum dan modalitas ditandai dengan kata kerja “mesti”, “sentiasa” dan “mesti sentiasa” manakala PMT perubahan diri ditandai dengan kata kerja “ingat” (mengingat), “sabar” (bersabar), “fokus” (berfokus), “sebut” (menyebut) dan “buat” (membuat) yang menjadi kata kunci motivasi perubahan diri H. Subkategori LR pula ditandai dengan kata modalitas deontik “jangan”. Kata kerja dan kata modalitas yang digunakan oleh MM merupakan LIA kepada H dalam melakukan perubahan diri. MM didapati menekankan motivasi intrinsik dilakukan oleh H. Hal ini membuktikan bahawa motivasi perubahan lebih berkesan kepada H sekiranya kehendak untuk berubah tersebut datang dari dalam diri H sendiri.

Rumusannya, dapatan kajian ini telah memperlihatkan bahawa LI dalam genre motivasi cenderung berasosiasi dengan subkategori PMT. Hal ini bererti dalam memotivasikan diri, subkategori PMT lebih relevan berbanding dengan subkategori LR. Lanjutan itu dapatan ini telah membuktikan bahawa kajian lakuan tuturan berkorelasi dengan genre korpus yang dianalisis.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai dengan Geran Penyelidikan Fakulti (GPF) Akademi Pengajian Melayu (APM) Tahun 2020, GPF 102A-2020. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. (1994). *Linguistik umum*. Rineka Cipta.
- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1),1-18.
- Agus Hidayat. (2016). Speech acts: Force behind words. English Education. *Jurnal Tadris Bahasa Inggris*, 9(1), 1-12.
- Ahmad Saputra. (2020). Illocutionary act used by Muniba Mazari in inspirational and motivational video on Youtube. *Piktorial Journal of Humanities*, 2(2),137-144.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015). Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 48-57.
- Amir Juhari & Noor Zila Binti Md. Yusuf. (2015). Lakuan pertuturan arahan dalam mesyuarat. *Jurnal IPDA*, 24(1),1-11.
- Aminudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 33-52.
- APA Dictionary of Psychology. Retrieved January 22, 2021 from <https://dictionary.apa.org/motivation>
- APA Dictionary of Psychology. Retrieved July 11, 2021 from <https://dictionary.apa.org/self-reflection>
- Austin, J.L. (1962). *How to do things with words*. Clarendon Press.
- Bach, K., & Harnish, R M. (1979). *Linguistic communication and speech acts*. The MIT Press.
- Breckenridge, J.P., Gray, N., & Toma, M. (2019). Motivating change: A grounded theory of how to achieve large-scale, sustained change, co-created with improvement organisations across the UK. *BMJ Open Quality*, 8(2). 1-12.
- Brown. K. & Miller, J. (2013). *The Cambridge dictionary of linguistics*. Cambridge University Press.
- Bussmann, H. (2006). *Routledge dictionary of language and linguistics*. Routledge 11 New Fetter Lane.
- Chairani, M., Sofyan, D., & Hardiah, M. (2020). Illocutionary and Perlocutionary Acts on YouTube Videos Employed by Niana Guerrero. *Journal of English Education and Teaching*, 4(3), 413-430.
- Chrisman, M. (2015). Deontic modals. Routledge Encyclopaedia of Philosophy. Retrieved from <https://www.rep.routledge.com/articles/thematic/deontic-modals/v-1>
- Dewi, D. (2019). Illocutionary acts of environmental persuasion in U.S. online newspaper opinion articles. *Beyond Words*, 7(2),101-121.
- Edrak, B. & Yin-Fah, B. & Gharleghi, B. & Seng, T. (2013). the effectiveness of intrinsic and extrinsic motivations: A study of Malaysian Amway company's direct sales forces. *International Journal of Business and Social Science*, 4, 96-103.
- Eryon. (2011). Satu tinjauan diskripsi tentang modalitas bahasa Inggris dan bahasa Indonesia. *Jurnal Linguistika*, 2(2), 43-61.
- Finch, G. (2000). *Linguistic terms and concepts*. Macmillan Press Ltd.
- Gu, Y. (1993). The impasse of perlocution. *Journal of Pragmatics*, 405-432.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir & Zaliza Zubir. (2020). Lakuan ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 96-114.
- Heru Juabdin Sada. (2016). Manusia dalam perspektif agama Islam. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 7, 129-142.
- Kamus dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun & Maslida Yusof. (2013). Aspek kala dalam nahu melayu abad ke-17: Perspektif orang Belanda. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2), 135-148.
- Leech, G.N. (1983). *Principle of pragmatics*. Longman.
- Lester, J.N., Cho, Y., & Lochmiller, C.R. (2020). Learning to Do Qualitative Data Analysis: A Starting Point. *Human Resource Development Review*, 19(1), 94–106.

- Lindenberg, Siegwart. (2001). Intrinsic motivation in a new light. *KYKLOS*, 54 (2/3), 317-342.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 151-168.
- Matsumoto, D. (2009). *The Cambridge dictionary of psychology. The Edinburgh Building*. Cambridge University Press.
- Muhammad Azizul Chakim & Haris Dibdyaningsih. (2019). An analysis of teacher speech act in giving motivation for English students. *Journal of English Language and Islamic Integration*, 2(2), 218-229.
- Muhammad Zuhair Zainal (2017). Lakuan ilokusi guru dalam pengajaran bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 191-208.
- Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar.(2019). Lakuan tuturan ilokusi dan perlokusi dalam penamaan wifi : Satu pemerhatian. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 1-9.
- Official Website Mufti of Federal Territory. (2016). Irsyad al-hadith siri ke-108: Doa seorang sahabat kepada sahabatnya. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1125-irsyad-al-hadith-siri-ke-108-doa-seorang-sahabat-kepada-sahabatnya>
- PRPM (Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Retrieved February 12, 2021 from <http://prpmv1.dbp.gov.my/>
- Richards, J.C. & Schmidt, R. (2002). *Longman dictionary of language teaching and applied linguistics*. 3rd Edition . Edinburch Gate: Pearson Education Limited.
- Ryan, R. M. & Deci, E.L. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25, 54–67.
- Searle, J. (1969). *Speech act: An essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Sullivan, J.J. (1988). Three roles of language in motivation theory. *Academy of Management Review*, 13(1) 104-115.
- Tatabahasa dewan. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fadillah Mansor. (2007). Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 25, 103-124.
- Terjemahan Al-Quran Al- Karim. (2009). Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Tesaurus bahasa melayu dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Varma, C. (2017). Importance of employee motivation & job satisfaction for organizational performance. *International Journal of Social Science & Interdisciplinary Research*, 6(2), 10-20.
- Verschueren, J. (1980). *On speech act verbs*. John Benjamins B.V
- Wong, L.P. (2008). Data Analysis in Qualitative Research: A Brief Guide to Using Nvivo. *Malays Fam Physician*, 3(1),14–20.
- Yule, G. (2010). *The Study of Language*. 4th Edition. New York: Cambridge University Press.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163-178.